

**PEMBENTANGAN LAPURAN TAHUNAN UNTUK
MAJLIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN BEKAS PELAJAR
MRSM MALAYSIA (ANSARA) CAWANGAN KOTA BHARU
AHAD, 4 SEPT 2016**

LAPURAN TAHUNAN PERSATUAN BAGI SESI 2015/2016

Assalamualaykum warahmatullah wbkt.

Sukacitanya disini saya membentangkan laporan aktiviti-aktiviti ANSARA Kota Bharu sepanjang sesi yang lepas, bermula selepas MAT 2015 pada 24 Mei 2015.

Program bersama ahli-ahli

- 6 Jun 2015 Pertandingan Volleyball Piala Presiden di Stadium Titiwangsa - Program yang cukup meriah ini mendapat respon yang amat positif dari ahli-ahli, dengan penglibatan batch senior dan juga junior. Pasukan jempunan adalah Team anak-anak yatim dari Rumah Permata Hatiku. Seramai 50 ahli melibatkan diri.
- 26 Jun 2015 Go-Karting selepas Tarawikh, anjuran Dato' Sayed Alfeizal B14 di Speedway PLUS Karting Circuit, bagi memperkenalkan permainan Go-kart kepada ahli-ahli ANSARAKB.
- 9 Julai 2015 Majlis Iftar di Masjid Wilayah Kuala Lumpur - Ceramah disampaikan oleh Ustadz Haslin Bollywood . Majlis dihadiri oleh 200 peserta/ahli.
- 16 Sep 2015 Pertandingan Volleyball Piala Presiden di Dewan Tanjung Seksyen 19
- 8 Nov 2015 Majlis Bubur Asyura di Speedway PLUS Karting Circuit
- 14 Jan 2016 Majlis Tahlil di UZMA Tower khas untuk **Arwah Abg Long Zahari Mohamed** (yang telah pulang ke Rahmatullah pada 19 Disember 2015) serta ahli-ahli ANSARAKB dan cikgu-cikgu MRSMKB/PC yang telah meninggal dunia. Seramai 104 nama bekas pelajar dan 19 nama bekas cikgu yang telah meninggal dunia dibacakan sebelum Tahlil bermula.
- 30 April 2016 Program Bersama Anak Yatim di Badan Amal Nur Zaharah di Kg Sum Sum Janda Baik (nota : Karnival Hari Keluarga yang dijadualkan pada tarikh yang sama di tunda ke tarikh yang akan ditetapkan kemudian)
- 12 Jun 2016 Majlis Iftar di Aroma Café di Bangunan PAUM, Bangsar - dihadiri oleh 200 jempunan. Ceramah disampaikan oleh Dato' Dr Yeop Abd Rahman. Solat Tarawikh diketuai oleh Ustadz Lokman Shazly Zaharin B12.
- 28 Julai 2016 Majlis Gomo Raya Di Kolej Tun Syed Zahiruddin (Kolej-ke9) Universiti Malaya - dihadiri oleh 500 jempunan (ahli bersama keluarga).

Program Bersama Maktab dan MARA

- 5 Ogos 2015 KC YBhg Dato' Kamarul Redzuan di beri penghormatan untuk memberi Ceramah berkongsi pengalaman sukses beliau di Persidangan BITARA

Nasional ke 11 (PERBINA XI) anjuran MARA di Hotel The Royale Bintang, Seremban (21st Century Education : Leadership, Education & Entrepreneurship). Majlis dihadiri oleh lebih 300 tenaga pengajar dari MRSM-MRSM seluruh Negara.

- 14-15 Ogos 2015 – Program Sireh Pulang ke Gagang (SPKG)
Program 2 hari 1 malam yang dianjurkan bersama MRSM PC tersebut bermula dengan Ceramah Motivasi oleh YBhg Prof Hj Kamil Ibrahim B4 pada malam 14/8/16. Pada keesokan harinya 15/8/2015 kita telah menjalankan Sesi Mock Interview dengan pelajar-pelajar Tingkatan 4&5 diikuti dengan Ceramah Kerjaya oleh panel-panel Alumni dari pelbagai bidang (Perubatan, Kejuruteraan, Perundangan, Perakaunan dan lain-lain Farmasi, Perniagaan, Penerbangan, Sains Aktuari dan sebagainya).

Seramai 132 alumni dari pelbagai profesyen dan dari serata Semenanjung hadir untuk berkongsi ilmu dengan adik-adik/pelajar-pelajar di Maktab. Ia merangkumi bidang Perubatan, Undang-undang, Kejuruteraan, Perakaunan, IT, Farmasi, Sains Aktuari, Aeronautika dan Perniagaan.

Program ini juga diselitkan dengan aktiviti santai Pertandingan Volleyball Piala Presiden (yang dimenangi oleh Pasukan Muhajirin) dan Sesi Makey Duye di sebelah petang. Program diakhiri dengan Majlis Makan Malam bersama Cikgu-cikgu dan Kakitangan Maktab di Dewan Bitara.

- Okt 2014 Cik Rosfinah Abd Kadir Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Chemicals Ethylene Sdn Bhd (Batch9) di beri penghormatan untuk menyampaikan sijil kepada kesemua pelajar-pelajar semasa Majlis Graduasi MRSM PC ke 28 di Dewan Keseniaan dan Kebudayaan Taman Tengku Anis, Kota Bharu
- Okt 2015 Prof Dr Khaizuran B11 telah di beri penghormatan untuk menyampaikan sijil kepada kesemua pelajar-pelajar semasa Majlis Graduasi MRSM PC ke 29 di Dewan Bitara MRSM PC.

Program ANSARAKBMuda

- 19 Dis 2015 Rocka Bowling di Superbowl Ole Ole Shah Alam Seksyen 18 anjuran AnsaraKBMuda yang diketuai oleh Sdra Shahrein B19. Sebanyak 21 pasukan terlibat , dari Batch 4 hingga ke Batch 24.
- Menyertai program “Unleashing Y” anjuran ANSARA Pusat pada 1 November 2015 di MIGHT Round Table Room di Cyberjaya
- Menyertai Majlis Iftar anjuran ANSARA khas untuk Gen-Y di Bukit Kiara Golf & Equestrian Resort pada Jun 2016

Program bersama ANSARA (Pusat)

- 13 & 14 Jun 2015 Kempen Derma Darah ANSARA (ABDC 2015) di KPTM Kota Bharu (dijayakan oleh ANSARAKBdKB) dan di AEON Mall Bukit Tinggi
- MAT (AGM) ANSARA Pusat di MATRADE pada 17 Oktober 2015 -

ANSARAKB telah menghantar seramai 20 ahli perwakilan.

- 27 & 28 Feb 2016 Karnival Syoknya ANSARA (KSA) 2016 telah berlangsung di GMI of Higher Learning di Bangi. Seramai **165 pemain** telah dipilih untuk mewakili ANSARAKB dalam sukan-sukan yang ditandingi. Syabas pada Team ANSARAKB kerana telah menang dalam acara-acara berikut :

- **INDIVIDUAL EVENT - Champion**

- Table Tennis Senior (Fadzli Burhanuddin & Safrurazi Salleh)*

- **TEAM EVENT- Champion**

- 1. Tennis
 - 2. Table Tennis
 - 3. Volleyball Junior
 - 4. Volleyball Ladies Senior
 - 5. Rugby Junior (Plate)

- **TEAM EVENT - Runner Up**

- 1. Badminton Senior
 - 2. Basketball Junior

- 16 April 2016 Majlis Makan Malam di MATRADE anjuran ANSARA Langkawi – sebanyak 8 meja dibeli oleh ANSARAKB. Disamping itu, ANSARAKB juga telah menghantar 3 nominasi untuk ANSARA STAR Award 2016, yang sepatutnya di umumkan semasa Majlis tersebut –

- 1. Prof Muhd Kamil Ibrahim B4 (SPM1976) Ahli Akademik*

- 2. Dr Abd Kahar Abd Ghapar B6 (SPM1978) Kardiologis*

- 3. Raja Shamri Raja Hussin B16 (SPM1992) Filantropis*

- Perlawanan Akhir Bola Sepak Piala ALUMNI XVI 2016 pada 8 Mei 2016 di padang bolasepak Taman Equestrian Putrajaya melawan ANSARA Jasin - Pasukan ANSARAKB menang sebagai JUARA
- 3 & 4 Jun 2015 Kempen Derma Darah ANSARA (ABDC 2015) di AEON Mall Kota Bharu (274 pints – dijayakan oleh ANSARAKBdKB) dan di AEON Mall Bukit Tinggi (108 pints)
- Menyertai Majlis Iftar anjuran ANSARA di Masjid Bukit Jelutong pada 18 Jun 2016

Program-program anjuran ANSARA KBdKB

- 11 Jun 2016 - Majlis Iftar & Tarawikh di MRSMPK

Majlis yang ala santai ini telah berlangsung dengan kehadiran 40 orang ahli. Pihak AnsaraKBdKB telah berjaya mengumpulkan **RM850** sumbangan dari ahli-ahli dan wang tersebut telah disampaikan kepada pihak Maktab malam itu.

- 3 Julai 2016 Sesi Teh Tarik dan Moreh bersama Dato' Kamarul

Majlis santai ini telah diadakan di Kedai Cholleq tersohor di Kota Bharu dengan kehadiran 50 orang ahli. Majlis diserikan lagi dengan sambutan Belated Birthday Dato' Kamarul yang ke 44.

Majlis berjaya mengutip **RM940** untuk Tabung ANSARA KB.

- 23 Julai 2016 - Jamuan Hari Ansaraya
Majlis Hari Raya ini telah diadakan di kediaman Bro Hj Nik Jailani B6.

Projek-Projek Khas

- Tabung TAKWA & Tabung ANSARAKB

Sejak Tabung TAKWA dilancarkan pada Jun 2013 sehingga ke tarikh Lapuran ini ditulis, seramai **16 orang** bekas pelajar (RM30,500 kesemuanya) telah menerima sumbangan wang dari Tabung TAKWA. Kesemuanya telah memenuhi kriteria sepertimana tertakluk dalam SoP untuk Tabung TAKWA.

Wakil-wakil dari setiap Batch memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan maklumat kepada pihak Exco bilamana ada ahli-ahli dari batch mereka dirasakan perlu untuk mendapatkan bantuan dari Tabung TAKWA.

Tabung ANSARAKB dibuat bertujuan untuk membantu menyenangkan aliran kos perbelanjaan untuk aktiviti-aktiviti Persatuan dimasa depan tanpa perlu mencari "sponsor/funder".

- ANSARA KOTA BHARU BUSINESS NETWORK / BIZDIRectory 1000 (dirasmikan pada 21 Okt 2015)

Di dalam memperkasakan ekonomi semasa serta memperkukuhkan rangkaian perniagaan ahli berdaftar ANSARAKB, kita maju setapak lagi ke hadapan dengan pengenalan BIZDIR 1000. Ia bertujuan untuk memperkenalkan perniagaan ahli-ahli ANSARAKB bukan sahaja kepada kalangan ahli-ahli, bahkan untuk dikongsi bersama dengan semua lapisan masyarakat di mana segala info terkini syarikat milik ahli akan diletakkan di dalam laman web yang direka khas. Informasi tersebut juga bakal dinaiktaraf serta diperkenalkan di dalam aplikasi yang boleh digunakan oleh pengguna Apple dan Android. Apa yang lebih menarik ialah tiada yuran yang dikenakan.

"The network portal is aimed at promoting fruitful business collaboration by leveraging on our own members' strengths and capabilities".

Untuk mendaftar sila berhubung dengan 'Batch Reps' masing-masing atau mendaftar secara online <http://goo.gl/forms/YwkOrDzAHK>.

- MEMBERSHIP DRIVE

Sepanjang sesi ini, Alhamdulillah kita telah berjaya mendapatkan lebih 800 ahli baru. Setakat hari ini **jumlah ahli berdaftar (seumur hidup) ANSARAKB adalah 1,176 orang**.

Bagi meraikan Batch-batch yang telah bekerja keras mendapatkan 100 orang ahli ke atas, pihak EXCO telah mengeluarkan Sijil **CLUB 100**. Setakat ini penerimanya adalah Batch 15, 18, 9 dan 6. Syabas pada semua !

- PLEDGE ACCOUNT

Tujuannya adalah untuk menarik setiap ahli untuk menyumbang sekurang-kurangnya **RM10 setiap bulan** (secara lumpsum setiap tahun atau secara direct-debit setiap bulan) ke akaun ANSARAKB, yang mana **30%** akan di salurkan ke Tabung TAKWA.

Jualan Barangan Eksklusif jenama ANSARA KB

- Kad Touch & Go
- T-shirt (tee dan collared) – biru, putih, hitam, merah jambu, oren, jingga
- T-shirt KSA2016 merah ‘Stail kito, Caro kito’
- Pelekat Kereta – bentuk oval (bujur) dan segi empat
- Banner Tangan
- Lanyard kuning ‘Stail kito, Caro kito’

Peninggalan Seorang WIRA ANSARAKB

ANSARAKB merakamkan ucapan TAKZIAH kepada seluruh keluarga Arwah Abang Zahari Mohamed B1 mantan Ketua Cawangan ANSARA KB atas pemergian beliau pada 19 Disember 2015. Semoga Allah mencucuri rahmatNya ke atas beliau. Al Fatihah.

Lain-lain

Sebanyak 12 mesyuarat (AJK dan mini AJK) telah di jalankan sepanjang sesi lepas.

Setakat ini kita telah berjaya mengenalpasti **35 orang Wakil Batch (BatchReps)** bagi mewakili batch masing-masing (**lepasan SPM1973 – SPM2015**).

ANSARA Kota Bharu ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua ahli atas sokongan padu yang diberikan selama ini. Kami mengalu-alukan kerjasama, respon dan “feedback” yang konstruktif dari semua ahli-ahli. Kami amat berbesar hati dengan kehadiran ahli-ahli di semua program dan aktiviti yang dianjurkan, samada oleh ANSARA Pusat atau ANSARA Kota Bharu.

Ahli-ahli digalakkan untuk melayari dan memberi sumbangan idea dan informasi di laman media sosial ANSARAKB (www.ansarakb.org, Facebook, Instagram dan Twitter). Kami mengalu-alukan sukarelawan yang sudi tampil membantu menyeliakan media sosial kami dan juga dalam mempromosikan semua program-program yang kami jalankan.

Pada yang belum mendaftar sebagai Ahli bolehlah berbuat demikian secara online atau secara terus di emel ansarakbofficial@gmail.com.

Penutup

Sekian laporan saya buat kali ini dan saya sudahi dengan ucapan berbilang Terimakasih kepada ahli-ahli (amnya) serta Jawatankuasa ANSARA KB (khususnya) kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk berkhidmat kepada Persatuan sepanjang sesi ini.

Sekiranya ada silap dan salah sepanjang perkhidmatan saya di sesi ini, saya mohon kemaafan. Wassalam.

Yang menurut perintah,

Nuraiza Zaharin

No Ahli 85001 , No Maktab 96/81

Setiausaha ANSARA KOTA BHARU

3 September 2016